

Headline	Pengajaran berkesan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 May 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	624 cm ²
Journalist	Zanariah Abd Mutalib	AdValue	RM 21,510
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,529



Peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM BH Skor tajaan TH di Putrajaya.

» Peserta seminar SPM yakin ilmu dikongsi penceramah bantu capai kecemerlangan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
upen@bh.com.my

Putrajaya

Pengajaran berkesan

“Teknik pengajaran m e n u p u k a n kepada perkara asas selain cara penyampaian yang berkesan oleh penceramah menyebabkan saya seronok menghadiri seminar ini,” kata pelajar Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Afiq Mohd Rashdi, 17.

Beliau juga yakin ilmu yang diperolehi dalam seminar itu akan banyak membantunya untuk menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), November depan.

Afiq adalah antara 251 pelajar dari tujuh sekolah menengah sekitar Putrajaya yang mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM tajaan Tabung Haji (TH)

dengan kerjasama BH di SAS, baru-baru ini.

Seminar sehari itu memberikan peserta pendedahan tiga mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah.

Afiq berkata, dalam sesi mata pelajaran Bahasa Melayu, penceramah memberi banyak tumpuan kepada teknik ejaan yang betul dan salah, satu perkara yang kadangkala diabaikan pelajar.

“Perkara asas dalam sesebuah penulisan karangan adalah ejaan yang betul. Jika salah ejaan, maka kurangnya markah dan ini bukan hanya disebabkan cara penulisan semata-mata,” katanya.

Mudah difahami

Pelajar SAS, Mohd Fikri Mohd Farid, 17, berkata banyak manfaat diperolehi oleh beliau dan peserta lain sekiranya mengamalkan apa yang dipelajari dalam seminar itu.

“Ia mudah difahami dan sangat berkesan. Jika kita ikut betul-betul apa yang diajar penceramah, kita boleh mencapai keputusan SPM yang kita sasarkan,” katanya.

Pelajar Sekolah Sri Puteri, Cyberjaya, Nur Aqilah Mohamad Rafi, 17, berkata ilmu didedah oleh penceramah seminar itu mudah diaplikasikan dalam pembelajarannya selain boleh dikongsi dengan rakan.

Sementara itu, Pengurus TH Cawangan Putrajaya, Md Johan Md Noh, berkata seminar yang diadakan pada setiap tahun itu diharap dapat membantu pelajar, sekali gus meningkatkan prestasi mereka dalam peperiksaan SPM akan datang.

“Insya-Allah, kerjasama TH dengan BH ini akan diteruskan bagi membantu pelajar kita. Saya harap ilmu yang diperolehi membantu mereka dalam kaedah menjawab kerana penceramah menumpukan kepada tajuk penting bagi tiga subjek berkenaan,” katanya.



“**Jika kita ikut betul-betul apa yang diajar penceramah, kita boleh mencapai keputusan SPM yang kita sasarkan**”

Mohd Fikri Mohd Farid,
Pelajar SAS



“**Ilmu didedah oleh penceramah seminar itu mudah diaplikasikan dalam pembelajaran selain boleh dikongsi dengan rakan**”

Nur Aqilah
Mohamad Rafi,
Pelajar Sekolah
Sri Puteri, Cyberjaya



Md Johan (tiga dari kiri) bersama-sama peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM BH Skor tajaan TH.